

## **BAHASA DAN KESUSASTERAAAN MELAYU H2 (9558)**

### **PENGENALAN**

Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 ialah mata pelajaran untuk Peperiksaan GCE Peringkat A.

### **MATLAMAT**

Matlamat kertas Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 adalah untuk menilai keupayaan calon dalam perkara yang berikut:

- penggunaan bahasa Melayu yang baku
- penggunaan bahasa untuk berkomunikasi sesuai dengan tujuan, khalayak dan konteks masyarakat dan budaya
- pemerolehan dan penyampaian maklumat, idea dan perasaan melalui penggunaan bahasa
- pengkajian dan penilaian terhadap bahan sastera secara analitis, kritis dan kreatif.

### **OBJEKTIF PENILAIAN**

Calon dapat:

- menggunakan bahasa Melayu baku melalui lisan dan tulisan
- menyatakan idea atau fakta dengan jelas dan tersusun sesuai dengan topik yang dibincangkan
- menunjukkan pemahaman terhadap teks yang dibaca dan memberikan respons yang sesuai dan jelas
- memberikan respons terhadap aspek tatabahasa dan kosa kata
- menggunakan laras bahasa yang sesuai
- mengenal pasti kandungan teks sastera daripada pelbagai genre dan menganalisisnya berdasarkan aspek-aspek kesusasteraan
- memberikan respons secara kritis, analitis dan kreatif terhadap bahan sastera
- membandingkan bahan sastera berdasarkan aspek-aspek kesusasteraan.

## **PEPERIKSAAN**

Bahasa Melayu H2 mengandungi dua kertas peperiksaan, iaitu Kertas 1 dan Kertas 2.

Kertas 1: Karangan, Ringkasan, Kefahaman dan Penggunaan Bahasa

Kertas 2: Kesusasteraan

### **KERTAS 1: BAHASA**

Kertas ini mengandungi **dua** bahagian: Bahagian 1 dan Bahagian 2. Masa yang diperuntukkan ialah 3 jam.

#### **Bahagian 1: Karangan (Soalan 1 - Soalan 4)**

Calon dikehendaki menulis sebuah karangan asli yang panjangnya tidak kurang daripada 350 patah perkataan mengenai satu daripada tajuk yang diberikan. Calon dibenarkan menggunakan kamus.

#### **Bahagian 2: Kefahaman dan Kosa kata, Ringkasan, Melengkapkan Teks dan Mengalih Bentuk Bahan (Soalan 5 - Soalan 8)**

Calon dikehendaki menjawab kesemua soalan.

Soalan 5: Kefahaman dan Kosa Kata. Calon dikehendaki menjawab empat soalan kefahaman dan soalan kosa kata.

Soalan 6: Ringkasan Karangan. Berdasarkan potongan karangan yang sama, calon dikehendaki meringkaskan teks.

Soalan 7: Melengkapkan Teks. Calon dikehendaki melengkapkan teks dengan menggunakan perkataan yang paling sesuai mengikut konteks yang diberikan.

Soalan 8: Mengalih Bentuk Bahan. Calon dikehendaki mengalih bentuk bahan (contoh: gambar, iklan, poster, statistik, rajah dan sebagainya) kepada bentuk prosa.

## KERTAS 2: KESUSASTERAAN

Kertas soalan ini dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu Bahagian A (Novel), Bahagian B (Cerpen), Bahagian C (Sajak) dan Bahagian D (Drama). Soalan-soalan dalam kertas ini berbentuk *open book*. Calon dibenarkan merujuk buku-buku teks yang telah ditetapkan. Masa yang diperuntukkan ialah 3 jam.

Bagi Bahagian A, B dan D, soalan-soalan akan dikemukakan mengenai:

- i isi cerita
- ii perkembangan cerita atau plot
- iii tema
- iv perutusan yang disampaikan
- v perwatakan
- vi nukilan
- vii gaya bahasa
- viii perbandingan dua cerita/drama dari segi tema, perwatakan, gaya bahasa dan perutusan yang disampaikan.

Bagi Bahagian C, soalan-soalan akan dikemukakan mengenai:

- i isi sajak
- ii tema
- iii bentuk
- iv aliran
- v corak
- vi unsur-unsur persajakan
- vii perbandingan antara dua sajak dari segi tema, isi, bentuk dan perutusan yang disampaikan

## **BUKU TEKS YANG DITETAPKAN**

### BAHAGIAN A: NOVEL

- i ***Restu*** oleh Ismail Kassan (Gapeniaga SDN. BHD. Kuala Lumpur)

### BAHAGIAN B: CERPEN

- i ***Bacalah Dalam Bahasamu Buku A*** (Dewan Bahasa dan Pustaka)

Cerpen-cerpen yang berikut sahaja yang akan diuji:

- a *Paku Payung dan Limau Mandarin* oleh Azizi Haji Abdullah
- b *Mereka Tidak Mengerti* oleh Keris Mas
- c *Gajah Putih* oleh Zakaria Ali

- ii ***Bacalah dalam Bahasamu Buku B*** (Dewan Bahasa dan Pustaka)

Cerpen-cerpen yang berikut sahaja yang akan diuji:

- a *Detik yang Tergugat* oleh Osman Ayob
- b *Seorang Gadis, Semangkuk Sayur Manis* oleh Baharin Ramly
- c *Sahabat* oleh Anwar Ridhwan

### BAHAGIAN C: SAJAK

- i ***Bacalah dalam Bahasamu Buku A*** (Dewan Bahasa dan Pustaka)

Sajak-sajak yang berikut sahaja yang akan diuji:

- a *Kebanjiran* oleh A. Samad Said
- b *Di Luar Diri* oleh Kemala
- c *Diri* oleh Nor Aini Muhammad
- d *Kebahagiaan Rumahtangga* oleh A. Wahab Ali
- e *Membina Peribadi itu Harus Tegak pada Paksi Diri* oleh Shafie Abu Bakar

- ii ***Bacalah dalam Bahasamu Buku B*** (Dewan Bahasa dan Pustaka)

Sajak-sajak yang berikut sahaja yang akan diuji:

- a *Selamat Tidur Pohon-pohon Hijau* oleh Marzuki Ali
- b *Ibunda* oleh Siti Zainon Ismail
- c *Insan Kerdil* oleh Darma Mohammad
- d *Burung-burung di Puncak Gunung* oleh Ahmad Sarju
- e *Guruku* oleh Muhammad Hj. Salleh

### BAHAGIAN D: DRAMA

- i ***Bacalah dalam Bahasamu Buku A*** (Dewan Bahasa dan Pustaka)

Drama-drama yang berikut sahaja yang akan diuji:

- a *Waktu Sesudah Itu* oleh Othman Hj. Zainuddin
- b *Bujur Lalu Melintang Patah* oleh Kala Dewata

- ii ***Bacalah dalam Bahasamu Buku B*** (Dewan Bahasa dan Pustaka)

Drama-drama yang berikut sahaja yang akan diuji:

- a *Tikar Mengkuang Hamparan Bulu* oleh Abd. Talib Mohd. Hassan

SINGAPORE-CAMBRIDGE GCE A-LEVEL EXAMINATION

JADUAL PENGKHUSUSAN BAGI BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU H2  
(9558)

| KERTAS<br>(MASA)         | KOMPONEN   | BIL<br>SOALAN | TIMBANGAN%<br>(MARKAH) | CATATAN   |
|--------------------------|--|---------------|------------------------|---|
| 1<br>(3 jam)             | <b>Bahagian 1: Karangan</b>  | (4)           | 17.5%                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak kurang daripada 350 patah perkataan.</li> <li>Calon perlu menjawab kesemua soalan dalam Bahagian ini.</li> </ul> |
|                          | Karangan bentuk naratif, deskriptif, ekspositori dan argumentatif                                  | (Jawab 1)     | (35)                   |   |
|                          | <b>Bahagian 2: Kefahaman, Kosa kata, Ringkasan dan Melengkapkan Teks dan Mengalih Bentuk Bahan</b> |               | 32.5%<br>(65)          |   |
|                          | S5 Kefahaman   | 4             | 24                     |   |
|                          | Kosa kata  | 1             | 6                      |   |
|                          | S6 Ringkasan   | 1             | 15                     |   |
| S7 Melengkapkan Teks     | 10   | 10            |                        |   |
| S8 Mengalih Bentuk Bahan | 10   | 10            |                        |   |
| 2<br>(3 jam)             | Bahagian A: Novel  | 3             | 50%<br>(100)           | Calon dikehendaki menjawab <u>5</u> soalan; sekurang-kurangnya <u>satu</u> tetapi tidak lebih daripada dua soalan daripada tiap-tiap bahagian A, B, C dan D.  |
|                          | Bahagian B: Cerpen   | 3             |                        |   |
|                          | Bahagian C: Sajak  | 2             |                        |   |
|                          | Bahagian D: Drama  | 2             |                        |   |
| JUMLAH KESELURUHAN       |  |               | 100%<br>(200)          |   |